

Oleh Siti Zarina Sahib

sitzarinah@mediaprima.com.my

Tiada yang lebih menggembirakan bagi 53 penduduk pangaspuri Abdullah Hukum, Bangsar apabila menerima sumbangan cermin mata daripada syarikat Perbadanan Gadai Janji Negara, Cagamas yang diadakan di

Dewan Abdullah Hukum baru-baru ini.

Ia juga dianggap sebagai hadiah sempena lebaran sekali gus menceriakan golongan ini kerana mereka mampu melihat dengan lebih terang dan jelas.

Menurut Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran Cagamas,

Mazlina Saidi, ini kali pertama syarikat terbabit memberikan cermin mata kepada mereka yang memerlukan.

Sebelum ini syarikat yang beroperasi di The Gardens MidValley ini memberikan sumbangan dalam bentuk berbeza seperti pakaian, duit dan makanan.

“Sebelum membuat ke-

putusan jenis barang yang akan diberikan, kami mendapatkan maklum balas mengenai keperluan golongan ini terlebih dulu. Ternyata apa yang mereka mahukan ialah cermin mata bagi membolehkan mereka meli-

hat dengan lebih jelas.

“Selepas mendapatkan senarai penduduk yang me-



CHE LEHA teruja kali pertama memakai cermin mata baru.



PENDUDUK ceria menerima sumbangan cermin mata daripada Cagamas.

merlukan, kami bekerjasama dengan Manara Optometry bagi membolehkan pemeriksaan dilakukan sebelum cermin mata diberikan mengikut keperluan masing-masing,” katanya.

Jelas Mazlina, penting memberikan sumbangan mengikut keperluan mereka kerana ia pasti lebih bermakna.

Bagi 53 warga emas ini, sudah tentu cermin mata itu mampu meringankan beban mereka. Ini kerana dengan lebaran yang akan datang tidak lama lagi, sudah tentu wang banyak digunakan untuk keperluan makanan dan pakaian. Jadi pemberian cermin mata sumbangan yang sangat tepat dan bermakna.

Ini diakui Che Leha Hussain, 61, yang cukup teruja dan tidak sabar memakai kaca mata baru selepas menerimanya daripada Mazlina.

“Dengan kedatangan Aifidfiltrti tidak lama lagi sudah tentu cermin mata ini hadiah yang cukup bermakna sekali gus meringankan beban kami sekeluarga,” katanya.